



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA
BIL. 60/ 2020

16,877 ORANG MENGUNDI AWAL BAGI
PILIHAN RAYA UMUM DEWAN UNDANGAN NEGERI
(PRU DUN) SABAH KE-16
PADA 22 SEPTEMBER 2020

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan bahawa seramai **16,877 orang pengundi** akan mengundi awal pada hari **Selasa, 22 September 2020** bertempat di **55 Pusat Mengundi Awal** bagi Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri (PRU DUN) Sabah Ke-16. Bagi tujuan ini, Pusat Pengundian Awal akan dibuka mulai jam **8.00 pagi**. Jumlah pengundi awal ini terdiri daripada **7,487 anggota tentera dan pasangan** serta **9,390 anggota polis**.
2. Sepanjang proses undi awal ini, pematuhan kepada Garis Panduan Pencegahan Covid-19 yang berkuatkuasa seperti penjarakan fizikal, amalan pemakaian pelitup muka separuh, penggunaan pensanitasi tangan, saringan suhu badan dan merekodkan kehadiran akan dilaksanakan.
3. Proses pengundian awal ini akan disaksikan oleh ejen calon serta Pemerhati Pilihan Raya yang telah dilantik oleh SPR. Di samping itu, SPR akan menyiarkan proses pengundian ini secara *live streaming* menerusi *Facebook* SPR.

4. Semua peti undi bagi pengundian awal akan disimpan di **lokap-lokap balai polis**. Kertas-kertas undi tersebut hanya akan dikira pada **26 September 2020 bermula jam 4.00 petang**. Pengiraan kertas undi akan dijalankan di tempat pengiraan undi yang ditetapkan SPR dan urusan pengiraan undi akan disaksikan oleh ejen-ejen calon masing-masing.

Sekian.

IKMALRUDIN BIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh : 21 September 2020 / 3 Safar 1442H